

**D.R. 41/97**

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

[ ]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1997.

Tajuk ringkas.

**2.** Seksyen 3 Akta Pertubuhan 1966, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan seksyen 3. Akta 13/1966.

(a) dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan ", Penolong Pendaftar, Pegawai Pendaftaran dan juga beberapa orang pegawai lain";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Menteri boleh melantik apa-apa bilangan Penolong Pendaftar dan pegawai lain yang difikirkannya perlu bagi pentadbiran yang sepatutnya Akta ini.

13. *Fasal 29* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 54A ke dalam Akta untuk menjadikan suatu kesalahan jika sesiapa memberi maklumat atau dokumen palsu kepada Pendaftar.

14. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 60 Akta untuk memasukkan kesalahan terhadap peruntukan seksyen 9A dan 13A sebagai kesalahan yang disifatkan sebagai kesalahan boleh ditangkap, tidak boleh dijamin dan kena didaftarkan.

15. Seksyen 61 Akta memperuntukkan bahawa kecuali dalam hal orang yang dipertuduh di bawah peruntukan tertentu Akta, pendakwaan tidak boleh dimulakan kecuali melalui atau dengan persetujuan Pendakwa Raya. *Fasal 31* bertujuan memasukkan kes orang yang dipertuduh di bawah seksyen 13A sebagai satu daripada kes yang termasuk dalam kekecualian daripada subseksyen 61(1).

16. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 64 Akta dengan memasukkan subseksyen baru (2) bagi membolehkan Pendaftar, atau seseorang Penolong Pendaftar, atau mana-mana pegawai lain, yang memasuki mana-mana tempat di bawah subseksyen (1) menyita dan menahan apa-apa buku, akaun atau barang lain yang dipunyai oleh pertubuhan itu yang dia ada sebab untuk percaya mungkin dikehendaki berkenaan dengan prosiding di bawah Akta.

17. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda perenggan (1)(a) Jadual Pertama kepada Akta bagi memperuntukkan bahawa tempat urusan berdaftar sesuatu pertubuhan adalah salah satu daripada butir yang baginya peruntukan hendaklah dibuat dalam perlembagaan atau aturan tiap-tiap pertubuhan tempatan atau cawangannya.

18. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebut secara nyata adalah pindaan berbangkit atau kecil.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1685.]

(1B) Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pegawai-pegawai lain yang dilantik masing-masingnya di bawah seksyen kecil (1) dan (1A) hendaklah berada di bawah arahan dan kawalan Pendaftar."; dan

(c) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "sekshen-kecil (1)" perkataan " dan (1A)".

Seksyen  
baru 3e.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3A seksyen yang berikut:

"Kuasa  
pewakilan.

3B. (1) Pendaftar boleh, secara bertulis, mewakili mana-mana kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta, kecuali kuasa perwakilan di bawah seksyen ini, kepada mana-mana Penolong Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 3.

(2) Sesuatu perwakilan di bawah seksyen-kecil (1) boleh dijadikan tertakluk kepada apa-apa sekatan dan batasan yang ditetapkan oleh Pendaftar dalam suratcara perwakilan itu.

(3) Kuasa perwakilan di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah dijalankan oleh Pendaftar sendiri."

Pindaan  
seksyen 6.

4. Subseksyen 6(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua ribu" dan "dua ratus" masing-masingnya dengan perkataan "lima ribu" dan "lima ratus".

Pindaan  
seksyen 7.

5. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Apabila permohonan di bawah seksyen 6 diterima, Pendaftar hendaklah, tertakluk kepada peruntukan seksyen ini dan apa-apa syarat yang disifatkan oleh Pendaftar patut dikenakan, mendaftarkan pertubuhan tempatan yang membuat permohonan itu."; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(5) Mana-mana pertubuhan yang melanggar mana-mana syarat yang dikenakan ke atasnya oleh Pendaftar di bawah seksyen-kecil (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit."

6. Subseksyen 9A(6) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua" dan "lima" masing-masingnya dengan perkataan "tiga" dan "sepuluh".

Pindaan seksyen 9A.

7. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 11.

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "dua puluh lapan" dengan perkataan "enam puluh"; dan
- (b) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "sa-ribu" dengan perkataan "tiga ribu".

8. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 13.

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Pembatalan pendaftaran oleh Pendaftar." dengan perkataan "Pembatalan dan penggantungan.";
- (b) dalam subperenggan 13(1)(c)(v) dengan memotong perkataan "atau";
- (c) dalam subperenggan 13(1)(c)(vi) dengan memotong perkataan "dan";
- (d) dengan memasukkan selepas subperenggan 13(1)(c)(vi) subperenggan yang berikut:
- "(vii) bahawa pertubuhan itu telah tidak mematuhi peruntukan seksyen 2A;
- (viii) bahawa pertubuhan itu telah melanggar peruntukan seksyen 52; atau

(ix) bahawa pertubuhan itu telah tidak mematuhi notis yang diberikan olehnya di bawah seksyen kecil (1) seksyen 16; dan";

(e) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Jika Pendaftar bercadang hendak membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan berdaftar di bawah perenggan (c) seksyen-kecil (1), Pendaftar—

(a) hendaklah memberitahu seorang pemegang jawatan pertubuhan itu atau lebih tentang niatnya hendak membatalkan pendaftaran pertubuhan itu; dan

(b) hendaklah memberinya atau mereka peluang untuk mengemukakan sebab-sebab secara bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu mengapa pendaftaran itu tidak patut dibatalkan."; dan

(f) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Pendaftar boleh, dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (b) seksyen-kecil (2), melalui perintah secara bertulis menggantung semua atau mana-mana kegiatan pertubuhan berdaftar itu—

(a) jika difikirkannya perlu berbuat demikian—

(i) bagi kepentingan awam; atau

(ii) bagi kepentingan pertubuhan berdaftar itu; atau

(b) untuk menghalang pertubuhan berdaftar itu daripada terus melanggar atau mencabuli mana-mana peruntukan dalam Akta ini, mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana aturan pertubuhan itu.

(2B) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen-kecil (2A)—

(a) boleh mengandungi apa-apa syarat yang difikirkan perlu atau mustahak oleh Pendaftar; dan

(b) hendaklah terus berkuatkuasa sehingga perintah itu dibatalkan atau sehingga pendaftaran pertubuhan itu dibatalkan.

(2c) Seseorang pemegang jawatan atau mana-mana orang yang menguruskan atau menolong dalam pengurusan sesuatu pertubuhan yang tidak mematuhi perintah yang dibuat di bawah seksyen-kecil (2A) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika kesalahan itu ialah kesalahan yang berterusan, boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas hari yang pertama."

9. Subseksyen 13A(7) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "sepuluh" dengan perkataan "lima belas". Pindaan seksyen 13A.

10. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh lapan" dengan perkataan "enam puluh"; dan

Pindaan seksyen 14.

(ii) dengan menggantikan perkataan "sa-kali pada tiap<sup>2</sup> tahun kalendar" dengan perkataan "dalam tempoh enam puluh hari selepas berakhirnya setiap tahun kalendar"; dan

(b) dalam perenggan (1)(da) dengan menggantikan perkataan "yang bergabung dengan pertubuhan itu" dengan perkataan "yang dengannya pertubuhan itu dengan apa-apa cara bersekutu atau bergabung".

Pindaan  
seksyen 15.

**11.** Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1A) dengan menggantikan perkataan "seribu" dengan perkataan "tiga ribu"; dan

(b) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima".

Pindaan  
seksyen 16.

**12.** Subseksyen 16(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "membatalkan pendaftaran pertubuhan itu" dengan perkataan "mengambil langkah untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan itu di bawah seksyen 13".

Pindaan  
seksyen 21.

**13.** Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(a) dengan menggantikan perkataan "satu ribu" dengan perkataan "dua ibu";

(b) dengan menggantikan perenggan (1)(c) dengan perenggan yang berikut:

"(c) kemasukan anggota atau peyuran yang tidak tinggal di dalam kawasan sesuatu bandar di dalam Malaysia di mana pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu pertubuhan faedah bersama ditubuhkan di suatu tempat kerja yang tertentu

bagi faedah anggota atau peyurannya, pertubuhan itu adalah berhak didaftarkan walaupun aturan pertubuhan itu mengadakan peruntukan bagi kemasukan anggota atau peyuran yang tinggal di luar kawasan bandar di mana pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya"; dan

(c) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "kampong," perkataan "mukim,".

**14.** Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "sa-ringgit" dengan perkataan "lima ringgit". Pindaan seksyen 28.

**15.** Seksyen 32 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 32.

(a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Kuasa bagi mengubah nama." dengan perkataan "Hak, dll. pertubuhan berdaftar tidak tersentuh oleh perubahan nama."; dan

(b) dengan memotong subseksyen (1).

**16.** Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 33 dan 34. Pemotongan seksyen 33 dan 34.

**17.** Seksyen 42 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "sepuluh" dengan perkataan "lima belas". Pindaan seksyen 42.

**18.** Seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "sepuluh". Pindaan seksyen 44.

**19.** Seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 45.

(a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "lapan" dengan perkataan "lima belas"; dan

(b) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "sepuluh" dengan perkataan "lima belas".

Pindaan  
seksyen 46.

**20.** Seksyen 46 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "sepuluh".

Pindaan  
seksyen 47.

**21.** Seksyen 47 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "empat" dengan perkataan "lima".

Pindaan  
seksyen 48.

**22.** Subseksyen 48(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "sepuluh" dengan perkataan "lima belas".

Pindaan  
seksyen 49.

**23.** Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menomborkan semula seksyen itu sebagai subseksyen (1) seksyen 49;

(b) dalam subseksyen (1) itu—

(i) dengan menggantikan perkataan "atau (vi)" dengan perkataan ", (vi), (vii), (viii) atau (ix)"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "sepuluh" dengan perkataan "lima belas"; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) itu subseksyen yang berikut:

"(2) Kecuali jika pendaftaran sesuatu pertubuhan telah dibatalkan di bawah seksyen 2A atau perenggan (b) seksyen-kecil (1) seksyen 13 sekatan yang dikenakan ke atas seseorang pemegang jawatan di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah terhenti selepas tamat tempoh lima tahun yang bermula dari tarikh pembatalan itu."

Pindaan  
seksyen 50.

**24.** Subseksyen 50(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "seribu" dengan perkataan "tiga ribu".

**25.** Subseksyen 52(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "sepuluh" dengan perkataan "lima belas". • Pindaan seksyen 52.

**26.** Subseksyen 53(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima". Pindaan seksyen 53.

**27.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 53 seksyen yang berikut: Seksyen baru 53A.

" Penalti kerana menunjukkan atau menggunakan perakuan pendaftaran yang dibatalkan. 53A. Mana-mana orang yang menunjukkan atau menggunakan mana-mana perakuan pendaftaran atau salinan perakuan pendaftaran sesuatu pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan dengan mengetahui bahawa perakuan pendaftaran itu telah dibatalkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit."

**28.** Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima". Pindaan seksyen 54.

**29.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 54 seksyen yang berikut: Seksyen baru 54A.

" Penalti kerana memberikan maklumat palsu. 54A. Mana-mana orang yang memberi Pendaftar, atau seseorang Penolong Pendaftar, apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang dia sama ada mengetahui atau ada sebab untuk mempercayai adalah palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit."

**30.** Seksyen 60 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "peruntukan<sup>2</sup>" perkataan "seksyen 9A dan 13A,". Pindaan seksyen 60.

Pindaan  
seksyen 61.

31. Subseksyen 61(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "45" perkataan "13A,".

Pindaan  
seksyen 64.

32. Seksyen 64 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "memasoki" dengan perkataan "untuk masuk, menggeledah dan menyita";
- (b) dengan menomborkan semula seksyen itu sebagai subseksyen (1) seksyen 64;
- (c) dalam subseksyen (1) itu dengan memasukkan selepas perkataan "Penolong Pendaftar," perkataan "atau mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah seksyen-kecil (1A) seksyen 3 dan diberikuasa dengan sepenuhnya secara bertulis oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar,"; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) itu subseksyen yang berikut:

"(2) Pendaftar, atau seseorang Penolong Pendaftar, atau mana-mana pegawai lain, yang memasuki mana-mana tempat di bawah seksyen-kecil (1) boleh menyita dan menahan apa-apa buku, kira-kira, tulisan, senarai anggota, panji-panji, meterai, tanda, lambang atau barang lain yang dipunyai oleh pertubuhan berdaftar itu yang dia ada sebab untuk percaya mungkin dikehendaki berkenaan dengan prosiding selanjutnya di bawah Akta ini.".

Pindaan  
seksyen 66.

33. Subseksyen 66(5) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua ratus" dengan perkataan "seribu".

Pindaan  
Jadual  
Pertama.

34. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dalam subperenggan 1(a) dengan menggantikan perkataan "pejabat" dengan perkataan "tempat urusan".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta. Dengan pindaan itu, maka sekarang Yang di-Pertuan Agong melantik Pendaftar Pertubuhan dan Timbalan-Timbalan Pendaftar manakala Penolong Pendaftar dan pegawai-pegawai lain dilantik oleh Menteri. Subseksyen baru (1B) bertujuan untuk menjelaskan bahawa Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pegawai lain yang dilantik di bawah seksyen 3 adalah semuanya tertakluk kepada arahan dan kawalan Pendaftar.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 3 ke dalam Akta untuk memberi Pendaftar kuasa untuk mewakili mana-mana kuasanya kepada mana-mana Penolong Pendaftar. Dia boleh juga mengenakan sekatan dan batasan dalam suratcara perwakilan. Kuasa perwakilan ini hendaklah dijalankan oleh Pendaftar sendiri.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta untuk menambah denda maksimum yang boleh dikenakan ke atas pertubuhan tempatan yang menganjurkan atau mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan tanpa kebenaran bertulis Pendaftar. Denda maksimum itu ditambah daripada dua ribu ringgit kepada lima ribu ringgit. Selain *falsal* ini *fasal 6, 7(b), 9, 11, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23(b), 24, 25, 26, 28* dan *33* masing-masingnya juga bertujuan untuk menambah penalti dalam seksyen 9A, 11, 13A, 15, 42, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 52, 53, 54 dan 66 Akta.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta bagi membolehkan Pendaftar mengenakan syarat-syarat tertentu ke atas pertubuhan tempatan yang membuat permohonan untuk pendaftaran di bawah Akta.

6. *Fasal 8(d)* bertujuan meminda seksyen 13 Akta untuk menambah tiga kriteria baru bagi pembatalan pendaftaran sesuatu pertubuhan. *Fasal 8(e)* dan *(f)* bertujuan menghendaki Pendaftar, apabila dia bercadang hendak membatalkan pendaftaran sesuatu pertubuhan di bawah perenggan 13(1)(c) supaya memberitahu pemegang jawatan tentang niatnya dan memberi mereka peluang untuk mengemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan itu sebab-sebab mengapa pendaftaran itu tidak patut dibatalkan. Sebelum dia membuat keputusan sama ada untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan atau tidak dia boleh melalui perintah secara bertulis menggantung kegiatan pertubuhan itu. Perintah untuk menggantung kegiatan pertubuhan itu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga perintah itu dibatalkan atau pendaftaran pertubuhan itu dibatalkan.

7 *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta untuk menjelaskan bahawa jika mesyuarat agung tahunan sesuatu pertubuhan tidak diadakan, pertubuhan itu hendaklah menghantar dokumen-dokumen dan maklumat yang diperlukan di bawah seksyen itu dalam tempoh 60 hari selepas berakhirnya setiap tahun kalendar. Ketika ini tiada tempoh dinyatakan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk meminda tempoh bagi pengemukaan maklumat oleh pertubuhan yang mengadakan mesyuarat agung daripada 28 hari kepada 60 hari selepas mesyuarat itu. *Fasal 10(b)* menghendaki pertubuhan berdaftar memberikan maklumat kepada Pendaftar mengenai nama dan alamat mana-mana pertubuhan di luar Malaysia yang dengannya pertubuhan berdaftar itu bersekutu atau bergabung dengan apa-apa jua cara.

8. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta untuk menjelaskan bahawa jika notis di bawah subseksyen (1) tidak dipatuhi oleh sesuatu pertubuhan, Pendaftar tidak perlu membatalkan dengan serta-merta pendaftaran pertubuhan itu tetapi boleh mengambil langkah yang perlu untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan itu di bawah seksyen 13.

9. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta. Perenggan 21(1)(c) Akta sebagaimana yang dipinda memperuntukkan bahawa sesuatu pertubuhan faedah bersama tidak berhak mendapatkan pendaftaran jika aturannya mengandungi peruntukan bagi kemasukan anggota atau peyuran yang tidak tinggal di dalam kawasan sesuatu bandar di dalam Malaysia di mana pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya. Walau bagaimana pun, proviso baru memperuntukkan bahawa jika sesuatu pertubuhan faedah bersama ditubuhkan di suatu tempat kerja yang tertentu untuk faedah anggota atau peyurannya, maka, walaupun anggota atau peyuran itu tinggal di luar kawasan bandar itu, pertubuhan faedah bersama itu masih lagi berhak mendapatkan pendaftaran.

10. *Fasal 15* dan *16* bertujuan untuk memotong subseksyen 32(1) dan seksyen 33 dan 34 Akta untuk menghapuskan keperluan mengenai ketetapan khas sebelum pertukaran nama pertubuhan boleh dilakukan.

11. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 49 Akta dengan memasukkan subseksyen baru (2) yang memperuntukkan bahawa jika pendaftaran sesuatu pertubuhan sudah dibatalkan di bawah seksyen 2A atau perenggan 13(1)(b) Akta, sekatan yang dikenakan ke atas seseorang pemegang jawatan di bawah subseksyen (1) hendaklah terhenti apabila tamat tempoh lima tahun yang bermula dari tarikh pembatalan itu.

12. *Fasal 27* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 53A ke dalam Akta untuk menjadikan suatu kesalahan jika mana-mana orang menunjukkan atau menggunakan mana-mana perakuan pendaftaran sesuatu pertubuhan atau salinan perakuan itu apabila pendaftaran pertubuhan itu sudah dibatalkan.